

KEDUDUKAN MAZHAB SYĀFI'Ī DALAM AMALAN PEMBAHAGIAN PUSAKA DAN WASIAT ISLAM DI MALAYSIA*

Jasni Sulong**

ABSTRACT

Mazhab Syāfi'ī is a school of law which dominated Malaysia since the coming of Islam in Malay Archipelago. The teaching of Syāfi'ī's school of law was disseminated by the scholars through teachings, writings, judgments, personal opinions and even promulgated it in the statute of law. This situation led the teaching of the school was absorbed by the Muslims in most part of the country especially in their religious practice. Focusing in the law of inheritance and bequeath, the teaching of the Syāfi'ī's doctrine in this field was spreading exclusively and it was reflected from many cases and fatwas'. The practice was very firm among the people till any rule was based on Syāfi'ī's teaching. The kathi refused to refer to any other school of law even though there is more wisdom such as in the case there is solely an heir of dhū arḥām. Thus, this paper is intend to discuss of further development in the acceptance of Syāfi'ī's school in Malaysia as well as the practice of talfiq wa takhayyur (eclectic choice) of madhhab. The intention is to portray the real situation in getting the reference in the administration of Islamic law in Malaysia nowadays with special reference to the applications of Syāfi'ī's school of law in inheritance and wills.

Keywords: *Syāfi'ī's school, inheritance, bequest, Malaysia*

** Lecturer at Department Islamic Studies, School of Humanities, University Sains Malaysia, jasni@usm.my.

* Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam Seminar Hukum Islam Semasa 5 Peringkat Kebangsaan pada 22-23 Ogos 2007 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur

PENDAHULUAN

Pengaruh Mazhab Syāfi‘ī dalam pentadbiran undang-undang Islam di Tanah Melayu adalah merupakan hubungan yang berkait erat dengan sejarah kedatangan dan penyebaran Islam ke Kepulauan Melayu. Ia telah berkembang dan mendominasi Kepulauan Melayu khususnya setelah kemunculan Kesultanan Aceh tahun 1511.¹ Dominasi ini menjadikan Mazhab Syāfi‘ī adalah mazhab utama di rantau Melayu dan menjadi aliran fekah pilihan di wilayah Asia Tenggara. Kedudukan ini adalah berpunca daripada peranan alim-ulama daripada aliran Mazhab Syāfi‘ī dan tulisan-tulisan mereka yang berkembang luas dalam kalangan masyarakat. Lantarnya, Mazhab Syāfi‘ī menjadi rujukan utama masyarakat. Penerimaan masyarakat meliputi semua perkara khususnya berhubung undang-undang diri orang Islam termasuklah dalam perkara pusaka dan wasiat. Ia turut mempengaruhi bentuk pentadbiran undang-undang Islam di rantau ini di mana rujukan kehakiman dan penguatkuasaan undang-undang adalah berdasarkan Mazhab Syāfi‘ī.²

Fiqh Syāfi‘ī dalam Perkara Pusaka

Dalam hal pusaka, terdapat pandangan Mazhab Syāfi‘ī yang diputuskan bersendirian dan terdapat juga pandangan yang bersamaan dengan pandangan imam mazhab yang lain. Kes-kes di mana Mazhab Syāfi‘ī adalah sependapat dengan jumhur imam mazhab ialah dalam kes ibu mendapat satu pertiga daripada baki (*al-gharrāwayn*) iaitu ibu dan bapa sentiasa dalam keadaan dua nisbah satu (2:1) melainkan dinyatakan sebaliknya sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat 11 Surah an-Nisā’:

وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ
يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَتْهُ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ
السُّدُسُ

¹ Omar Awang (1981), “The Major Arabic Sources which Determined the Structure of Islamic Thought in the Malay Archipelago Before the Nineteenth Century A.D. In the Field of Law, Theology and Sufism” dalam Lutpi Ibrahim (ed.), *Islamika - Esei-esei Sempena Abad ke-15 Hijrah*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, h. 81

² Rujuk *Re Ismail bin Rentah, dec.* (1940) 9 *MLJ* 98; Lihat juga Jamilah Karim Khan, “Isu-isu Sosiologikal dalam Pembahagian Harta Pusaka dan Harta Sepencarian di Pulau Pinang dan Kedah” (Kertas Kerja Bengkel Undang-undang Syarak dan Sivil: Perkembangan, Pelaksanaan dan Kedudukan Wanita Islam di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, 23 September 1989, h. 3

Dan untuk dua orang ibu bapa, bagi masing-masingnya satu perenam dari harta yang ditinggalkan, jika yang meninggal itu mempunyai anak; jika orang yang meninggal itu tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ibu bapanya (sahaja), maka ibunya mendapat satu pertiga; jika yang meninggal itu mempunyai beberapa saudaranya, maka ibunya mendapat satu perenam.

Manakala dalam kes pusaka datuk bersama saudara, Mazhab Syāfi'ī sependapat dengan Mazhab Mālikī dan Ḥanbalī bahawa datuk sama-sama mewarisi bersama-sama saudara.

Manakala pandangan Mazhab Syāfi'ī yang segandingan dengan Mazhab Mālikī ialah dalam perkara *musytarah* iaitu saudara seibu sebapa yang menerima 'aṣabah diberikan hak untuk mempusakai bersama saudara seibu yang menerima *farḍū*. Mengikut pembahagian biasa, saudara seibu sebapa sepatutnya tidak akan mendapat pusaka kerana harta pusaka telah habis dibahagikan oleh waris *farḍū*.³ Bagaimanapun, demi kebajikan waris terdekat, waris seibu sebapa diputuskan turut mewarisi. Pandangan Mazhab Syāfi'ī dan Mazhab Mālikī yang paling menonjol ialah berhubung hak pusaka waris *dhū arḥām*,⁴ iaitu waris yang diselangi dengan si mati oleh waris wanita menjadi "waris *fasad*" dan tidak layak mewarisi. Waris-waris ini juga dikenali waris melalui susur keturunan wanita sama ada waris cabang ke atas atau ke bawah. Dalam kes ini, segala lebihan harta pusaka akan diserahkan kepada baitulmal.⁵

Baitulmal adalah lembaga atau institusi yang berfungsi sebagai penjaga amanah perbendaharaan awam bagi orang Islam yang bertujuan untuk memelihara kemaslahatan umum. Menurut Mazhab Syāfi'ī, baitulmal akan mewarisi pusaka berdasarkan *jihat al-Islām* iaitu apabila tiada ahli waris yang berhak menerimanya, atau ahli waris telah menerima bahagian masing-masing tetapi masih terdapat baki harta pusaka, atau harta si mati tidak dituntut oleh sesiapa ataupun keadaan di mana tiada ahli waris langsung.⁶ Pandangan ini adalah bersumberkan suatu hadith yang berbunyi:

مَنْ تَرَكَ مَالًا فَلِوَرَثَتِهِ وَأَنَا وَارِثٌ لَهُ أَعْقِلُ عَنْهُ وَارِثٌ

³ Wahbah al-Zuhaylī (1997), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Beirut: Dār al-Fikr, j. 10, h. 7772.

⁴ Wahbah al-Zuhaylī (1997), *op.cit.*, h. 7737.

⁵ Abd. Rashid Hj. Dail dan Hailani Muji Tahir (1988), "Sumber Kewangan dan Pengurusan Baitulmal", dalam Mohd. Riduan bin Awang (ed.), *Undang-undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang-orang Islam di Malaysia*. Selangor: al-Rahmaniah, h. 200, 210-211

⁶ Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit.*, j. 10, h. 7706; Syaykh Ḥusayn Yūsūf Ghazāl (1996), *al-Mīrāth 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah*. Beirut: Dār al-Fikr, h. 14.

Sesiapa yang meninggalkan harta maka (harta itu menjadi pusaka) warisnya, dan aku adalah waris baginya (jika tiada waris-waris lain), waris yang paling layak.

Kedudukan baitulmal yang mewarisi di bawah konsep *jihat al-Islām* ini lebih tinggi daripada konsep baitulmal sebagai pemegang harta semata-mata. Dalam hal ini, Imam Syāfi‘ī menganggap baitulmal juga adalah merupakan badan yang layak menerima harta pusaka bagi kepentingan umum umat Islam. Ia berlainan dengan pandangan Mazhab Ḥanafī dan Ḥanbalī yang menganggap baitulmal hanya bertindak sebagai pemegang amanah ke atas harta yang tidak bertuan (مال ضائع)⁷ Bagaimanapun, pada akhir abad ke-4 Hijrah, Imam Syāfi‘ī telah merujuk kembali pandangannya dalam pemberian pusaka kepada baitulmal apabila baitulmal tidak ditadbirkan dengan baik sehingga menyebabkan harta umat Islam menjadi tidak terurus. Dalam keadaan ini, Imam Syāfi‘ī berpandangan harta pusaka hendaklah diwarisi oleh waris *dhū arḥām*.

Dalam lain-lain persoalan, Imam Syāfi‘ī juga mempunyai perbezaan pandangan dengan mazhab lain seperti dalam kes pembunuh yang dihalang pusaka di mana Imam Syāfi‘ī memakai kepada semua pembunuh secara mutlak.⁸ Sementara dalam kes pusaka harta orang yang hilang (*mafquḍ*), Imam Syāfi‘ī telah memakai doktrin *istiṣhāb* apabila menganggap orang yang hilang adalah masih hidup sehingga ada bukti sebaliknya. Oleh itu, harta orang yang hilang tidak boleh dibahagikan secara pusaka sehingga suatu tempoh masa tertentu yang diperakukan oleh mahkamah tentang status sebenar orang hilang tersebut sebagai telah meninggal dunia.⁹

Sejarah Penerimaan Mazhab Syafi‘i dalam Pentadbiran

Semasa era pra-kemerdekaan, persoalan Islam untuk hal ehwal diri orang-orang Islam adalah diiktiraf khususnya di negeri-negeri Melayu. Sebagaimana keputusan kes *Ramah lawan Laton (1927)*¹⁰ diperakui bahawa *Islam is law of the land* di mana masyarakat berpegang dengan hukum Islam yang berteraskan ajaran Mazhab Syāfi‘ī. Hakim Inggeris semasa memberikan pengiktirafan bahawa undang-undang Islam sebagai undang-undang tempatan dan undang-undang negeri

⁷ Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn (1966), *Ḥāsiyah Radd al-Muḥtār*. Mesir: Matba‘at Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlāduhu, j. 6, h. 766

⁸ Wahbah al-Zuhaylī (1997), *op. cit.*, j. 10, h. 7717.

⁹ N. J. Coulson (1971), *A History of Islamic Law*. Edinburgh: University Press, h. 92.

¹⁰ 6 *FMSLR* 128; Lihat juga Salleh Buang (1996), *Sejarah Undang-undang Malaysia: Kes dan Material*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 63, 181.

kepada rakyat, telah memperakui bahawa amalan agama yang diamalkan adalah selaras dengan Mazhab Syāfi'ī. Walaupun persoalan kes ini lebih tertumpu kepada tuntutan harta sepencarian, sandaran kepada Mazhab Syāfi'ī berhubung peruntukan harta sepencarian meletakkan kedudukan harta pusaka dalam kapasiti rujukan yang sama sekiranya isu-isu pusaka menjadi persoalan undang-undang. Keselarasan ini diterima dan dikaitkan berikutan Mazhab Syāfi'ī adalah mazhab rujukan utama dalam masyarakat dan ajarannya terpakai secara umum.

Penerimaan ajaran Mazhab Syāfi'ī dalam konteks pentadbiran undang-undang adalah berpunca daripada peranan para penjawat tertinggi agama di negeri-negeri Melayu dan juga guru-guru agama. Misalnya, ajaran ini dihidup dan dikembangkan melalui “Syāykh al-Islām” di Kedah, “Sayyid” di Perak, “Imām” di Terengganu dan Kelantan, “Muftī” di Johor dan “Qāḍī” di Pahang dan Selangor. Begitu juga dalam amalan guru agama masyarakat, mereka menjadikan ajaran dan penulisan dalam Mazhab Syāfi'ī sebagai panduan. Kenyataan ini berikutan banyak manuskrip Melayu yang tersimpan di pelbagai pusat sumber di negara ini telah menggunakan kitab-kitab bertulisan tangan yang cenderung kepada Mazhab Syāfi'ī.¹¹ Keadaan ini menjadikan sebarang penyelesaian masalah pembahagian pusaka termasuklah pembahagian harta pusaka tinggalan raja-raja Melayu ditangani mengikut acuan hukum syarak yang berlandaskan Mazhab Syāfi'ī.¹² Sebagai contoh dalam kes pembahagian pusaka Sultan Perak yang diwartakan dalam *Sultan Idris Estate Enactment 1935*,¹³ Tuanku al-Sultan mengarahkan pusaka dibahagi berdasarkan hukum *faraid* kepada dua orang isteri, enam orang anak lelaki dan tujuh orang anak perempuan baginda.¹⁴

Pengaruh pemerintah sangat terserlah dalam memastikan dominasi Mazhab Syāfi'ī dalam hal perkara hukum syarak sehingga pegawai penjajah Inggeris ada menyatakan bahawa sejak abad ke-14, tafsiran berdasarkan Mazhab Syāfi'ī benar-benar mendominasi Semenanjung Tanah Melayu.¹⁵ Sebagai contoh, dalam undang-

¹¹ Lihat MS 325, MS 641, MS 1139, MS 1484 mengenai Faraid di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur; Lihat juga MSS 8 Kitab Pusaka di Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri Kelantan, h. 15.

¹² Fasal ke-18 Enakmen Kerajaan Negeri Trengganu 1911/1329H memperuntukkan “Rumah atau kampung kediaman yang diberikan kepada bekas Raja akan menjadi harta pusakanya dan diwarisi berdasarkan hukum syarak”.

¹³ Seksyen 12 (i), Chapter 208, the Laws of the Federated Malay States 1935. J. M. Gullick (1992), *Rulers and Residents Influence and Power in the Malay States 1870-1920*. Singapore: Oxford University Press, h. 202, 225.

¹⁴ Jadual Kedua, Chapter 208, the Laws of the Federated Malay States 1935.

¹⁵ B. J. Brown (1962), “Justice and the Adat Perpatih: Law or Lore?”, dalam K. G. Tregonning (ed.), *Papers on Malayan History*. Singapore: Journal South-East asian History, h. 137.

undang yang dilaksanakan di Pahang semasa zaman pemerintahan Sultan ‘Abd al-ghafarMuhaiyud-din Shah dilaporkan hampir keseluruhannya berasal daripada tafsiran Mazhab Syāfi‘ī.¹⁶ Malah, Pegawai agama tidak boleh memberi keputusan yang berlainan dengan ideologi mazhab pemerintah. Suatu tindakan tatatertib boleh dikenakan oleh pemerintah sekiranya seorang penjawat awam memutuskan pandangan yang berlawanan. Sebagai contoh, Haji Wan Musa bin Haji Abd al-Samad (b. 1874) daripada Kelantan diarah meletak jawatan apabila memberikan keputusan yang berlawanan dengan Sultan dalam kes pusaka pada tahun 1916.¹⁷

Tidak ketinggalan melaksanakan hukum syarak berteraskan Mazhab Syāfi‘ī ini ialah dalam kalangan para pentadbir dan hakim-hakim Inggeris. Mereka memutuskan kedudukan hukum berdasarkan rujukan kepada para kadi dan juga buku-buku Mazhab Syāfi‘ī yang telah diperuntukkan oleh undang-undang. Para Pegawai Daerah dan hakim Inggeris di Perak sentiasa merujuk kepada kadi dalam pembahagian pusaka. Dalam kes *Teh Rasim lawan Neman (1919)* mahkamah menyatakan:¹⁸

... the courts when deciding claims to property in cases of intestacy and divorce must depend on the kathis for expert opinion on points of Muhammadan law.

(Mahkamah-mahkamah apabila memutuskan tuntutan ke atas harta dalam kes berkaitan dengan pusaka dan perceraian hendaklah merujuk pada Kadi untuk mendapatkan pandangan berhubung hukum syarak)

Tugasan kadi ini telah diterangkan dalam kes *Re Haji Pais, decd. (1928)* iaitu:¹⁹

Kathi to say whether brother (not served) is entitled to a share and to say what share each of the three (or possibly four) beneficiaries should have.

¹⁶ John E. Kempe dan R. O. Winstedt (1947), *A Malay Legal Digest Compiled for ‘Abd al-Ghafur Muhaiyu’ d-din Shah Sultan of Pahang 1592-1614 A.D. with Undated Additions*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia., h. 2.

¹⁷ A. H. Johns, “From Coastal Settlement to Islamic School and City: Islamization in Sumatras, The Malay Peninsula and Java”, *Hamdard Islamicus*, v. IV no. 4, winter 1981. Pakistan: The Hamdard Faoundation, h. 24.

¹⁸ Perak Supreme Court No. 232/1919.

¹⁹ Kuala Pilah Distribution Suit No. 32/1928; E. N. Taylor (1970), “The Customary Law of Rembau”, dalam M.B. Hooker (ed.), *Readings in Malay Adat Laws*. Singapore: Singapore University Press, h. 174

(Kadi berbidangkuasa untuk memutuskan sama ada saudara lelaki berhak untuk mendapat pusaka dan untuk memutuskan kadar bahagian pusaka tiga atau empat waris berikut yang sepatutnya dapat)

Gullick menceritakan bahawa William Maxwell pernah menyatakan bahawa kadi berperanan sebagai pakar rujuk undang-undang Islam di dalam tiga bidang iaitu pembahagian pusaka, kehartaan dan matrimoni (kekeluargaan).²⁰ Sementara dari segi pelantikan pula, kesemua kadi yang dilantik oleh pihak Inggeris adalah dilaporkan bermazhab Syāfi'ī dan ini menepati kehendak peruntukan Seksyen 4 Ordinan No. 26.²¹ Maka, tidak hairanlah aliran Mazhab Syāfi'ī berkembang dengan meluas dalam amalan pentadbiran agama Islam dalam kalangan orang Melayu.

Dalam bentuk rujukan buku pula, Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat sebagai contoh telah memperuntukkan melalui seksyen 29 (1) Ordinan Pindaan No. 26 (*Mahomedans*) 1926 beberapa rujukan kehakiman berhubung undang-undang Islam antaranya ialah Kitab *Minhāj al-Ṭālibīn* karangan Imam al-Nawāwī daripada Mazhab Syāfi'ī di samping rujukan lain seperti terjemahan al-Qur'an dalam bahasa Inggeris, *Mahomedan Law* karangan Syed Ameer Ali dan *A Digest of Mahomedan Law* karangan Neil B. E. Baillie.²² Pada tahun 1934, Ordinan Pindaan (No. 35) telah menambah satu lagi rujukan iaitu *Anglo-Muhammadan Law* karangan Sir Roland Knyvet Wilson.²³ Rujukan kepada maklumat kadi dan penulisan buku-buku ini adalah bergantung kepada mazhab si mati khususnya dalam perkara pusaka dan wasiat. Dalam kes *Syed Ibrahim bin Omar al-Sagoff lawan Attorney General (1948)*,²⁴ mahkamah menyatakan bahawa mahkamah perlu menggunakan rujukan tertentu sebagaimana peruntukan Ordinan tahun 1880 (Pindaan 1926 dan 1934 ini) ketika ingin mengadili sebarang tuntutan pusaka. Di negeri-negeri Melayu, beberapa kitab fekah Mazhab Syāfi'ī digunakan dengan

²⁰ J. M. Gullick (1991), "William Maxwell and the Study of Malay Society", *JMBRAS*, v. 64 Part 2, No. 261, Dec. 1991, h. 8.

²¹ C. H. Withers Payne (1932), *The Laws of Administration of and Succession to Estates in the Straits Settlements*. Singapore: Printers Limited, h. 188; Ahmad Ibrahim (1971), "The Administration of Muslim Law in South-East Asia", *Malaya Law Review*, v. 13 No. 1. Singapore: Faculty of Law, University Of Singapore, h. 128.

²² Seksyen 2, Ordinance No. 26 (Mahomedans) Amendment Ordinance, 1923. CO 274/17 - Straits Settlements, Act 1923; C. H. Withers Payne (1932), *op. cit.*, h. 187-188; Ahmad Ibrahim (1971), *op. cit.*, h. 163; Moshe Yegar (1979), *Islam and Islamic Institutions in British Malaya Policies and Implementation*. Jerusalem: The Magnes Press, The Hebrew University, Jerusalem, h. 138.

²³ Seksyen 5. Roland Knyvet Wilson (1912), *Anglo-Muhammadan Law: A Digest*, preceded by a Historical and Descriptif-Introduction of the Special Rules, 4th edition. London: W. Thacker.

²⁴ [1948] *MLJ* 155.

meluas dalam kalangan masyarakat dan ini sangat memperlihatkan penguasaan Mazhab Syāfi‘ī dalam amalan masyarakat khususnya pusaka seperti Kitab *Fath al-Wahhāb* oleh Syāykh Zakariyā al-Anṣārī, *Fath al-Qarīb* oleh Ibn al-Qāsim al-Ghazzī, *al-Taqrīb* dan *Minhāj al-‘Ābidīn* oleh Abū Sujā’ dan *Tuḥfah* oleh Ibn Hajar.²⁵

Kes dan Material berhubung Pusaka Mazhab Syāfi‘ī

Sebagaimana dibincangkan sebelum ini, Imam Syāfi‘ī berpandangan baitulmal adalah berhak untuk mewarisi harta pusaka tanpa waris dan pandangan ini telah diperuntukkan di dalam enakmen pentadbiran setiap negeri di Malaysia.²⁶ Melalui Chapter 92, Enakmen Bait-ul-mal (Undang-undang No. 37/1356) Terengganu ada memperuntukkan bahawa harta pusaka yang tidak bertuan atau mempunyai waris diserahkan kepada baitulmal. Seksyen 2 memperuntukkan enakmen ini terpakai kepada harta-harta orang Islam yang mati ketika domisil dalam negeri ini atau selepas berkuatkuasanya enakmen ini dan juga terhadap sebarang harta tak alih di dalam negeri yang menjadi sebahagian daripada harta pusaka orang-orang Islam atau setelah berkuatkuasa enakmen ini atau tidak dan sama ada berdomisil di negeri ini atau tidak. Seksyen 4 pula memperuntukkan bahawa sebarang saham yang menjadi milik baitulmal daripada harta pusaka si mati hendaklah dibayar kepada nazir untuk mentadbirkannya.

Manakala dalam Peraturan Baitulmal Kedah 1970 ada menyebut bahawa baitulmal diberi tanggungjawab untuk menerima harta-harta pusaka orang-orang Islam Negeri Kedah Darul Aman sama ada harta yang boleh berpindah atau tidak boleh berpindah. Baitulmal juga bertanggungjawab untuk menerima baki harta orang-orang Islam yang bermastautin dalam Negeri Kedah. Begitu juga peruntukan Seksyen 27, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 14/1978 memperuntukkan bahawa baitulmal bertanggungjawab kepada harta pusaka orang-orang Islam yang tinggal atau bermastautin di situ sama ada sebelum atau selepas berkuatkuasanya enakmen. Berdasarkan peruntukan ini, baitulmal atau Majlis Agama Islam (yang menguruskan baitulmal) berhak mendapat sebahagian daripada harta pusaka si mati apabila memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki dan ini telah diputuskan dalam kes *Ahmad Rozaidi Hj. Saad lawan Haji Saad bin Malik dan Majlis Agama Islam Kelantan (1993)*.²⁷

²⁵ Ismail bin Mat (1985), “Adat and Islam in Malaysia: A Study in Legal Conflict and Resolution” (Ph.D Dissertation of Temple University), h. 6.

²⁶ Contoh, Seksyen 3 Peraturan Baitulmal Johor; lihat juga Peraturan Baitulmal Negeri Kedah 1970.

²⁷ Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan No. Fail 4/93.

Sementara dalam kes *In Re Timah binti Abdullah, decd. (1941)*,²⁸ pusaka seorang wanita Jepun yang telah menganut Islam juga diserahkan kepada baitulmal dan mahkamah memutuskan bahawa warisnya yang bukan beragama Islam tidak berhak untuk mewarisi. Pandangan ini disepakati oleh kesemua mazhab fekah termasuklah Mazhab Syāfi'ī yang mendominasi masyarakat negara ini. Dalam kes ini, mahkamah antara lain telah merujuk kepada buku terjemahan *Minhāj al-Ṭālibīn* daripada Mazhab Syāfi'ī bahawa seorang kafir tidak akan mewarisi harta pusaka seorang yang beragama Islam.

Dalam kes di Singapura yang ketika itu masih berada dalam Persekutuan Tanah Melayu iaitu *Re Mutchilim @ Ashrhin, deed (1960)*,²⁹ mahkamah telah memutuskan berdasarkan ajaran Mazhab Syāfi'ī di mana baki harta pusaka akan diserahkan kepada baitulmal dan tidak boleh dibahagikan semula pusaka (*radd*) kepada isteri yang telah menerima bahagian fardu. Mahkamah memutuskan isteri tidak berhak mendapat *radd* sebagaimana ajaran Mazhab Ḥanafī kerana dibuktikan bahawa si mati adalah seorang Islam yang bermazhab Syāfi'ī.

Dalam satu kes yang tidak dilaporkan di Kuala Terengganu iaitu kes *Kalthum binti Muda lawan Nazir Baitulmal Kuala Terengganu (1362)*,³⁰ baitulmal tetap mewarisi walaupun dalam keadaan waris adalah miskin dan boleh menyebabkan harta keluarga menjadi berkurangan. Dalam kes ini, pemohon adalah isteri si mati dan merupakan waris tunggal yang hanya mewarisi sebanyak satu perempat daripada bahagian pusaka dan tiga perempat baki diserahkan kepada baitulmal. Oleh kerana kesusahan hidup, waris telah menuntut supaya baitulmal menghalalkan bahagian tiga perempat tersebut dan diserahkan kepada beliau sebagai waris yang berhak untuk mewarisi keseluruhan pusaka suaminya. Pewarisan oleh baitulmal boleh menyebabkan pemohon tidak boleh meneruskan perniagaan yang diusahakan sebelum ini akibat kehilangan sebahagian besar modal perniagaan.

Bagaimanapun, seseorang waris tunggal yang tidak menghabisi pusaka, atau waris tunggal yang berstatus *dhū arḥām* boleh mendapatkan hak pusaka baitulmal ini dengan membeli bahagian tersebut. Di bawah konsep ini, seseorang waris *dhū arḥām* boleh menebus untuk mendapatkan bahagian baitulmal tersebut dengan membayar nilai tertentu. Sebagai contoh di Sabah, undang-undang memperuntukkan bahawa Perbadanan Baitulmal bertanggungjawab mengendalikan penebusan harta oleh waris pusaka atau *dhū arḥām*.³¹ Kaedah

²⁸ 10 *MLJ* 51.

²⁹ 26 *MLJ* 2.

³⁰ P. U. 109/62 A – “Harta Tarikh Maidin Malbari yang ada Pembahagian Baitulmal” dalam Arkib Negara Malaysia

³¹ Seksyen 10 (3)(b)(i)(ii)(iii)(iv), Enakmen Perbadanan Baitulmal Sabah No. 11 tahun 1998; Abd. Rashid Hj. Dail dan Hailani Muji Tahir, “Sumber Kewangan dan Pengurusan Baitulmal”, h. 198.

ini merupakan alternatif bagi waris *dhū arḥām* untuk mendapatkan hakmilik harta pusaka si mati atau sekiranya harta pusaka masih berbaki selepas pembahagian. Pada masa kini, prosedur tuntutan penebusan baitulmal boleh dibuat melalui permohonan bertulis kepada Majlis Agama Islam. Namun sehingga kini, masih belum ada peruntukan undang-undang atau pekeliling khusus yang memperuntukan dengan terperinci prosedur tuntutan ini dan pertimbangan-pertimbangan yang akan diambilkira dalam meluluskannya.³²

Di samping hak mewarisi harta pusaka, baitulmal juga mempunyai bidangkuasa pengurusan ke atas harta pusaka orang Islam di mana baitulmal mendapat keutamaan (*syuf'ah*) untuk membeli harta pusaka yang sedikit atau sukar diselesaikan. Dalam satu fatwa di Pulau Pinang, baitulmal boleh membeli tanah-tanah pusaka yang tidak ekonomi untuk pembahagian pusaka atau bermasalah untuk membayar cukai.³³ Kaedah ini merupakan sesuatu yang baik agar harta pusaka orang Islam tidak berpindah ke tangan orang asing. Di Kedah, Warta Kerajaan pada 12 Mac 1970 telah memperuntukkan mengenai peraturan-peraturan bagi pentadbiran baitulmal apabila menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Baitulmal bagi membuat perjanjian, pembelian atau pemilikan ke atas mana-mana harta yang menjadi milik Majlis Agama Islam Kedah.

Manakala di Sabah, Enakmen Perbadanan Baitulmal Sabah 1998³⁴ memperuntukkan bahawa Perbadanan mempunyai fungsi yang lebih besar untuk mengendalikan harta pusaka orang-orang Islam yang meninggal dunia serta menguruskan wakaf dan wasiat. Perbadanan berkuasa untuk menyiasat waris-waris si mati, membuat pembahagian secara *faraid* kepada waris-waris si mati dan menyiasat harta yang dirizabkan kepada baitulmal hasil daripada lebihan pusaka.³⁵ Di Selangor, terdapat Unit *faraid* yang bertugas di Baitulmal Negeri bagi mengurus dan memproses penerimaan harta lebihan *faraid* milik kepada baitulmal yang diterima dari pejabat Pusaka Daerah. Unit ini juga bertanggungjawab untuk memproses pindah milik pembayaran tebusan penyelenggaraan rekod-rekod dan penilaian hartanah lebihan pusaka. Unit ini juga terdapat di Kelantan yang bertanggungjawab untuk mendapatkan harta

³² Temubual dengan Ustaz Nasri bin Buchik, Ketua Unit Sumber Am Majlis Agama Islam Melaka pada 19.05.2004 dan Ustaz Md Yusuf, Pembantu Hal Ehwal Islam Majlis Agama Islam Johor Bahru pada 18.05.2004.

³³ Fatwa pada 20.9.1981. Lihat Ahmad Hidayat Buang (2004), "Analisis Fatwa-Fatwa Syariah di Malaysia", dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Malaya, h. 178.

³⁴ No. 11 tahun 1998.

³⁵ Seksyen 10 (3)(b)(i)(ii)(iii)(iv), Enakmen Perbadanan Baitulmal Sabah No. 11 tahun 1998; Abd. Rashid Hj. Dail dan Hailani Muji Tahir, "Sumber Kewangan dan Pengurusan Baitulmal", h. 198.

pusaka orang-orang Islam mengikut lunas-lunas yang ditentukan oleh syarak. Jelasnya, fungsi baitulmal mengikut tafsiran Mazhab Syāfi'ī mendapat perhatian yang kukuh dalam pentadbiran undang-undang pusaka di Malaysia.

Di samping ajaran Mazhab Syāfi'ī, masyarakat juga menerima pakai amalan adat yang diterima syarak (*al-'ādat al-muḥakkamah*) seperti dalam pembahagian pusaka secara persepakatan atau muafakat. Amalan ini diterima syarak selagi unsur keredaan dan sikap tolak ansur dalam kalangan waris dicapai dengan saksama dan terbuka. Berdasarkan kajian yang pernah dilakukan,³⁶ kecenderungan untuk melakukan pembahagian secara *faraid* berlaku apabila melibatkan masyarakat bandar dan keadaan waris wanita lebih ramai daripada lelaki. Manakala kecenderungan untuk melakukan pembahagian secara muafakat pula apabila melibatkan masyarakat kampung dan keadaan waris lelaki lebih ramai daripada wanita. Kaedah muafakat bukan sahaja melibatkan pembahagian pusaka secara sama rata malah kadangkala dilakukan secara penolakan dengan memberi keseluruhan pusaka kepada waris tertentu seperti ibu,³⁷ isteri³⁸ atau waris yang paling banyak menjaga keluarga.³⁹

Kecenderungan Mazhab Syāfi'ī dalam Pentadbiran Semasa

Peruntukan undang-undang Islam di Malaysia menggariskan bahawa pemakaian pandangan Mazhab Syāfi'ī dalam pentadbiran undang-undang adalah mengutamakan Mazhab Syāfi'ī. Dalam erti kata, rujukan kepada sebarang keputusan, hukum dan pendirian agama adalah dengan memberi fokus terlebih dahulu kepada pandangan Mazhab Syāfi'ī. Sekiranya tiada pandangan dalam persoalan yang dirujuk itu atau tidak sesuai dengan keadaan semasa dan kepentingan umum, maka barulah pandangan daripada mazhab yang lain diambil pertimbangan. Laporan kajian ke atas rujukan fatwa di Malaysia mendapati 13 daripada 14 buah kitab fekah yang dirujuk adalah merupakan kitab fekah Mazhab Syāfi'ī.⁴⁰ Keadaan ini secara langsung menunjukkan bagaimana pandangan-pandangan Mazhab Syāfi'ī menguasai keputusan sesuatu fatwa atau keputusan kehakiman yang dibuat. Paling tidak, para cendekiawan Islam semasa akan

³⁶ Jasni bin Sulong (2005), "Undang-undang Pusaka Islam: Kajian Terhadap Pembaharuan Undang-undang dan Aplikasinya di Malaysia" (Tesis Ph.D, Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam), h. 273.

³⁷ Kes *Abdul Razak bin Hamid* (PTG/WP 15/148/2003); *Khalid bin Salleh* (PTG/WP 15/064/2003).

³⁸ Kes *Abdul Malek bin Hj. Md. Yatim* (PTG/WP 15/312/1993).

³⁹ Kes *Samirin bin Karijasentana* (PTG/WP 15/055/2003).

⁴⁰ Ahmad Hidayat Buang (2004)(Penyunting), *op.cit.*, h.106-107.

cenderung untuk memutuskan hukum berdasarkan sumber-sumber terbanyak yang telah dirujuk.

Kebebasan melakukan rujukan kepada Mazhab Syāfi'ī secara terbuka dan meluas ini adalah ekoran tiada undang-undang substantif khusus terutamanya berhubung pentadbiran undang-undang pusaka dan wasiat. Hasilnya menyebabkan idea dan pandangan Mazhab Syāfi'ī seringkali menjadi keutamaan walaupun dalam sesetengah keadaan boleh menimbulkan konflik dalam memastikan kebajikan waris tertentu. Seorang tokoh perundangan Islam di negara ini pernah mengulas bahawa:⁴¹

The qadi is given full freedom to refer to any doctrine of Syāfi'ī from sources of his choice. This of course has created some problems for lawyers and legal researchers in finding accurate provisions for a certain case.

(Kadi diberikan kuasa sepenuhnya untuk melakukan rujukan pada mana-mana ajaran Mazhab Syāfi'ī daripada mana-mana sumber yang dipilihnya. Keadaan ini tentu sekali akan menimbulkan sedikit masalah kepada peguam-peguam dan penyelidik undang-undang dalam mendapatkan peruntukan yang tepat dalam kes-kes tertentu.)

Ketepatan peruntukan sangat penting dalam pentadbiran undang-undang bagi memastikan keseragaman hukuman dapat diputuskan dengan adil dan saksama. Justeru, ketiadaan undang-undang substantif mengenai pusaka dapat menyebabkan cendekiawan Islam tiada persepakatan dalam menentukan keutamaan bagi memastikan kebajikan waris terdekat khususnya dalam perkara *khilāfiyyah*.

Keutamaan merujuk kepada Mazhab Syāfi'ī ini adalah berdasarkan peruntukan *qawl mu'tamad* menerusi Enakmen Pentadbiran Agama setiap negeri⁴² dan juga berdasarkan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Bil. 9/2001. Ikutan ke atas dua peruntukan ini dapat dilihat dalam kes *Permohonan faraid Encik Alias bin Embong (2004)*⁴³ apabila Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu telah menolak pemberian pusaka kepada *dhū arḥām* walaupun dalam kes ini *dhū arḥām* adalah waris tunggal si mati. Justeru, mahkamah

⁴¹ Azizan Abdul Razak (1983), "Conflict Resolution: Reasonal Laws System, Civil Law System and Muslim School of Law (Madhahib)" (Kertas Kerja *Shariah Administrators' Conference Workshop*, Manila, Philippines, 7-11 Ogos 1983.), h. 80.

⁴² Sebagai contoh, seksyen 42, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Melaka Bil. 7 Tahun 2002.

⁴³ Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu. Surat Jabatan Mufti Negeri Terengganu: JMN.TR.:1/4 BHG. 6 – (117).

memutuskan dengan mengambil pandangan Mazhab Syāfi'ī di mana baitulmal akan mewarisi kesemua harta pusaka tanpa waris atas alasan baitulmal di Malaysia adalah berfungsi dengan baik di bawah pengurusan yang teratur. Di samping tiada peruntukan dalam undang-undang negeri yang memberikan pusaka kepada *dhū arḥām* yang merupakan sandaran kepada pandangan Mazhab Ḥanafī. Secara tersirat, keputusan ini menunjukkan pemberian pusaka kepada *dhū arḥām* bukan amalan di Malaysia yang mengutamakan pandangan Mazhab Syāfi'ī.

Bagaimanapun *dhū arḥām* mendapat kedudukan yang berlainan di Negeri Perlis. Berbanding peruntukan di negeri-negeri yang lain, undang-undang berhubung pentadbiran agama Islam di Perlis tidak memperuntukkan berkenaan keutamaan rujukan kepada Mazhab Syāfi'ī. Seksyen 7 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964 memperuntukkan bahawa Majlis atau Jawatankuasa Syariah ketika mengeluarkan fatwa hendaklah mengikut al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah SAW.⁴⁴ Dalam menentukan sesuatu keputusan, rujukan adalah secara langsung kepada nas syarak dalam mencapai *maqāṣid al-syar'īyyah*. Peruntukan yang umum ini menyebabkan berlakunya perbezaan keputusan fatwa di antara Negeri Perlis dengan negeri-negeri lain berhubung *dhū arḥām*. Fatwa pada tahun 1999 telah memutuskan bahawa waris *dhū arḥām* akan mewarisi sekiranya tiada ahli waris lain yang berhak terhadap pusaka tersebut, atau harta pusaka yang dibahagikan masih berbaki. Cara pewarisan ialah waris *dhū arḥām* akan mewarisi harta pusaka tersebut secara sama rata sekiranya mereka dalam kedudukan yang sama dan sekiranya dalam kedudukan yang berlainan mereka akan mewarisi mengikut kadar pembahagian *aṣḥāb al-furūd*. Sekiranya selepas pembahagian tersebut harta pusaka masih berbaki, maka barulah lebihan harta pusaka tersebut diserahkan kepada baitulmal.⁴⁵ Jelas bahawa fatwa ini telah memberi kedudukan yang lebih baik kepada waris *dhū arḥām*.

Namun, sehingga kini fatwa Negeri Perlis 1999 ini masih belum diwartakan.⁴⁶ Oleh itu, pandangan Mazhab Syāfi'ī yang diterima secara umum di negara ini masih diamalkan iaitu baitulmal akan mewarisi apabila waris tidak menghabiskan pusaka atau si mati tidak mempunyai waris langsung. Kenyataan ini dapat dilihat dalam kes *Che Som bt. Ismail (1999)*⁴⁷ apabila diputuskan semua harta si mati diwarisi oleh baitulmal sebagaimana pandangan Mazhab Syāfi'ī dan waris *dhū arḥām* tidak menerima pusaka. Dalam kes ini, bapa saudara si mati yang masih hidup tidak diberikan pusaka kerana diselangi oleh ibu si mati yang telah meninggal dunia lebih dahulu (*dhū arḥām*). Pandangan bahawa waris *dhū arḥām* tidak

⁴⁴ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis No. 3 Tahun 1964.

⁴⁵ *Himpunan Fatwa 1999*, Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis. Sumber: Jabatan Mufti Negeri Perlis.

⁴⁶ Temubual dengan Ustaz Roslan, Timb. Mufti (Pegawai Istinbat) Kerajaan Negeri Perlis pada 12.2.2007 di Jabatan Mufti Perlis, Balai Islam.

⁴⁷ 1999/128 dalam Fail Pusaka Jabatan Mufti Perlis.

mewarisi dalam pentadbiran undang-undang Islam di Perlis ini berkekalan akibat fatwa 1999 di atas tidak diwartakan. Justeru dalam kes *Munah Hj. Mat (2002)*,⁴⁸ telah diputuskan bahawa harta pusaka diwarisi separuh oleh suami dan separuh lagi diserahkan kepada baitulmal. Dalam kes ini, terdapat waris *dhū arḥām* iaitu dua orang cucu lelaki daripada anak perempuan si mati (yang meninggal dunia terlebih dahulu). Bagaimanapun, dua orang cucu tersebut tidak mendapat apa-apa bahagian kerana diselangi oleh waris perempuan.

Kaedah *radd* juga tidak diamalkan dalam pembahagian pusaka di Perlis kerana berpegang dengan pandangan Mazhab Syāfi'ī. Dalam kes *Ah Bt. Hj. Mohamed (2002)*,⁴⁹ telah diputuskan bahawa seorang anak perempuan si mati mendapat separuh pusaka dan separuh lagi diberikan kepada baitulmal. Dalam kes *Habsah bt. Haji Talib (1999)* pula,⁵⁰ dua orang anak perempuan si mati mendapat dua pertiga pusaka dan bakinya diserahkan kepada baitulmal. Keadaan lebih ketara apabila si mati meninggal dunia tanpa waris seperti dapat dilihat dalam kes *Chik bt. Jusoh (2002)*⁵¹ apabila semua hartanya diserahkan kepada baitulmal. Akibat tiada wasiat dilakukan maka anak angkat si mati tidak mendapat apa-apa bahagian.

Kedudukan Mazhab Syāfi'ī dalam Pentadbiran Wasiat

Sejarah amalan wasiat di Malaysia pada umumnya juga adalah melaksanakan prinsip-prinsip Mazhab Syāfi'ī mengikut justifikasi umum pentadbiran Islam di negara ini. Bagaimanapun, bagi mereka yang berada dalam aliran mazhab yang lain, amalan pentadbiran undang-undang di Tanah Melayu adalah mengiktiraf mazhab yang dianuti. Sebagai contoh dalam kes *In Re Will of M. Mohamed Hanifa dec. (1940)*,⁵² pewasiat yang bermazhab Ḥanafī telah mewasiatkan kepada penerima yang ketika itu sedang bertindak sebagai pemegang amanah hartanya untuk mengambil alih harta perniagaannya dengan syarat dia berkahwin dengan anak perempuannya yang kedua. Mahkamah memutuskan syarat tersebut batal kerana menyalahi hukum syarak tetapi wasiat tersebut tetap terlaksana mengikut pandangan Mazhab Ḥanafī.

⁴⁸ Jun 2002/244 dalam Fail Pusaka Jabatan Mufti Perlis.

⁴⁹ April 2002/190 dalam Fail Pusaka Jabatan Mufti Perlis.

⁵⁰ 1999/68 dalam Fail Pusaka Jabatan Mufti Perlis.

⁵¹ Mac 2002/116 dalam Fail Pusaka Jabatan Mufti Perlis.

⁵² MLJ 229: Lihat Abdul Rashid Haji Abdul Latif (1986), *Wasiat dalam Islam* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 47.

Sementara dalam kes *Shaik Abdul Latif lawan Shaik Elias Bux (1915)*.⁵³ mahkamah memperakui bahawa *the only law at that time applicable to Malays was Mohammedan modified by local custom* (undang-undang yang hanya terpakai ke atas orang Melayu pada masa itu ialah undang-undang Islam yang disesuaikan dengan adat). Berdasarkan kes-kes yang telah diputuskan, umumnya undang-undang Islam yang dimaksudkan di sini ialah berdasarkan pandangan Mazhab Imam Syāfi'ī. Dalam kes ini, wasiat diputuskan tidak sah kerana telah diwasiatkan kepada anak angkat dengan melebihi daripada satu pertiga harta yang bertentangan dengan ajaran Mazhab Syāfi'ī. Namun, sekiranya kurang daripada kadar ini, wasiat kepada anak angkat adalah diharuskan seperti pernah diputuskan dalam kes *Nik Salma Zaidah binti Haji Wan Zaid lawan Nik Hasnah binti Nik Din & Nik Ruhiya Zaidah binti Wan Zaid*.⁵⁴ Mengambil pandangan dalam Mazhab Syafi'i juga, hukum melakukan wasiat kepada waris diputuskan sebagai tidak sah secara *per se* sebagaimana keputusan kes *Mohamad Hadi bin Yaso'a dll. Lawan Siti Hawa Deraman (2001)*.⁵⁵ Mengulas persoalan wasiat kepada waris ini, tidak timbul pertikaian di antara ayat al-Qur'an mengenai wasiat dan larangan al-Hadith daripada berwasiat kepada waris kerana Imam Syāfi'ī telah mentakwil bahawa ayat al-Qur'an mengenai wasiat itu ditujukan kepada bukan waris, sementara ayat pusaka ditujukan khusus untuk waris sahaja.⁵⁶

Justeru, tidak boleh lagi melakukan wasiat kepada waris melainkan dengan kebenaran waris-waris yang lain. Manakala wasiat kepada selain daripada waris diharuskan dengan syarat tidak melebihi kadar satu pertiga harta. Di Sabah, peruntukan mengenai wasiat kepada anak angkat telah dimasukkan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1992.⁵⁷ Enakmen memperuntukkan bahawa anak angkat boleh menerima wasiat yang tidak melebihi daripada satu pertiga harta dan sekiranya anak angkat tersebut adalah waris yang layak untuk mendapat pusaka maka peruntukan ini tidak terpakai.⁵⁸ Di Sarawak pula, peruntukan wasiat kepada anak angkat adalah sebagaimana di Sabah dan telah diperuntukkan dalam Ordinan Undang-undang Keluarga Islam 2001.⁵⁹ Kodifikasi mengenai wasiat ini

⁵³ 1 *FMSLR* 204.

⁵⁴ Kes Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan. Sila lihat Kertas Kerja Daud bin Muhammad (2002), "Pelaksanaan Harta Wasiat" (Kertas Kerja Diskusi Wakaf, Wasiat, Hibah dan Harta Pusaka di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor, 15-17 Disember 2002), h. 9.

⁵⁵ Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan, No. Fail 348/01; Lihat juga kes lama iaitu *Siti binti Yatim lawan Mohamed Nor bin Bujai* (1928) 6 *FMSLR* 135.

⁵⁶ Wahbah al-Zuhaylī (1997), *op. cit.*, j. 2, h. 971.

⁵⁷ Seksyen 126, Enakmen No. 15 tahun 1992.

⁵⁸ Seksyen 126 (2), (3) dan (4) Enakmen No. 15 tahun 1992.

⁵⁹ Seksyen 125, Ordinan Bab 43 tahun 2001.

penting bagi menunjuk bahawa kedudukan anak angkat di bawah hukum Islam adalah sebagai penerima wasiat dan bukannya penerima pusaka, kecuali anak angkat yang diambil tersebut adalah merupakan ahli waris yang berhak menerima pusaka.⁶⁰ Hukum wasiat juga diaplikasikan ke atas penamaan yang dilakukan ke atas bukan waris. Berdasarkan kes *Wan Puziah binti Wan Awang lawan Wan Abdullah bin Muda dan Seorang lagi (2001)*,⁶¹ mahkamah memutuskan bahawa penamaan yang dilakukan kepada bukan waris seperti anak angkat diputuskan sebagai wasiat kerana mereka tidak berhak mendapat pusaka.⁶²

Dalam penerimaan wasiat (*qabūl*), Imam Syafi'i menekankan bahawa penerimaan adalah syarat untuk berlakunya perpindahan hakmilik atas harta wasiat dan bukannya syarat sah wasiat seperti yang dikemukakan oleh Imam Malik.⁶³ Penerimaan mesti menyebabkan pindahmilik harta berlaku serta merta selepas kematian pewasiat. Oleh itu, perbuatan menanggung pembahagian harta wasiat adalah tidak sah mengikut Mazhab Syafi'i sebagaimana diputuskan dalam kes *Saeda lawan Haji Abdul Rahman (1918)*⁶⁴ dan *Abdul Rahim lawan Abdul Hameed (1983)*.⁶⁵ Seterusnya penerimaan ke atas wasiat adalah penting kerana sebarang penolakan daripada orang yang diwasiat boleh menyebabkan wasiat tersebut batal. Dalam penggubalan Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999,⁶⁶ peruntukan seksyen 17 dan 18 ada menyatakan berhubung penerimaan dan penolakan wasiat serta memperuntukkan tempoh masa selama 30 hari untuk menerima atau menolak. Merujuk pula kepada kes *Re Alsagoff Trusts (1956)*, keperluan mandatori kepada penerimaan ini tidaklah sedemikian. Dalam kes ini, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa penerimaan wasiat dianggap telah berlaku apabila wasiat itu sah menurut hukum syarak. Bagaimanapun dalam kes terkemudian iaitu *Amanullah bin Haji Hasan lawan Hajah Jamilah binti Sheikh Madar (1975)*, sikap mendiamkan diri seseorang waris selepas suatu wasiat dibacakan di hadapan mereka telah diputuskan sebagai bukan petunjuk bahawa waris tersebut bersetuju dengan wasiat itu. Justeru, perkembangan kes dan peruntukan undang-undang terkini menunjukkan bahawa penerimaan dalam wasiat adalah sesuatu yang penting. Bagaimanapun dalam kes-kes tertentu, tidak disyaratkan berlakunya *qabūl* seperti wasiat kepada janin atau bayi yang berada

⁶⁰ Lihat Jasni bin Sulong (2005), *op. cit.*, h. 291.

⁶¹ Kes Mal No: 41-003-1-99, *Jurnal Hukum* (2001), Jilid XIV Bahagian II. Putrajaya: Jakim, h. 273.

⁶² *Ibid.*, h. 276.

⁶³ Ibn Rusyd (1935), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Kaherah: Matba'āt al-Ma'hūd, 2, h. 252.

⁶⁴ 1 *FMSLR* 352.

⁶⁵ 2 *MLJ* 78.

⁶⁶ Enakmen Selangor No. 4 Tahun 1999.

dalam kandungan. Seksyen 24, Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999⁶⁷ menyatakan bahawa wasiat kepada anak dalam kandungan adalah sah dengan syarat dilahirkan dalam tempoh yang sah menurut hukum syarak.

Kebaikan mempunyai undang-undang substantif khusus seperti Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999⁶⁸ ini menunjukkan bahawa keterikatan pada pandangan Mazhab Syafi'i tidak lagi berlaku sepenuhnya. Terdapat beberapa peruntukan yang turut menerima pakai pandangan daripada mazhab lain seperti mengambil pandangan Mazhab Syi'ah Ithna 'Asyariyyah⁶⁹ dalam persoalan wasiat kepada waris sekiranya wasiat yang dibuat tidak melebihi daripada satu pertiga harta. Peruntukan ini boleh didapati daripada Seksyen 11 (2) dan Seksyen 26 Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999.⁷⁰ Seksyen 11 (2) memperuntukkan:

Tertakluk kepada subseksyen 26 (2), seseorang boleh menentukan bahagian masing-masing warisnya dari harta pusaka dan, jika salah seorang daripada waris itu ditentukan bahagiannya dengan melebihi kadar yang ia berhak, harta yang lebih itu hendaklah dianggap sebagai wasiat.

Dalam Enakmen Selangor 1999 ini, tiada peruntukan khusus yang menyatakan mengenai wasiat kepada waris yang kurang daripada kadar satu pertiga harta. Penggubal undang-undang hanya menyampaikan maksud tersirat (*implied meaning*) menerusi peruntukan seksyen 11 (2) dan 26 (2) bahawa wasiat kepada waris yang kurang daripada satu pertiga tidak perlu mendapat kebenaran daripada waris yang lain dan wasiat tersebut adalah sah dan boleh dilaksanakan (*nafadh*).⁷¹ Jelas bahawa peruntukan ini berlainan dengan kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan sebagaimana dibincangkan sebelum ini.⁷² Undang-undang wasiat di Selangor ini jelas merupakan satu anjakan yang besar daripada pengaruh dominasi ajaran Mazhab Syafi'i. Pendekatan ini selaras dengan pertimbangan sosial semasa⁷³ dalam hukum Syarak iaitu bagi menjamin kebajikan

⁶⁷ Enakmen Selangor No. 4 Tahun 1999.

⁶⁸ Enakmen Selangor No. 4 Tahun 1999.

⁶⁹ Wahbah al-Zuhaylī (1997), *op. cit.*, j. 10, h.7545; Tahir Mahmood (1972), *Family Law Reform in the Muslim World*. Bombay: N. M. Tripathi Pvt. Ltd, h. 290; A. A. Fyze (1964), *Outlines of Muhammadan Law*. Oxford: T.P, h. 353.

⁷⁰ Enakmen Selangor No. 4 Tahun 1999.

⁷¹ Rujuk seksyen 11 (2) dan seksyen 26 (2); Ahmad Hidayat Buang (2004), *op. cit.*, h. 9.

⁷² Mohamad Hadi bin Yaso'a dll. *Lawan Siti Hawa Deraman (2001)* dalam Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan, No. Fail 348/01.

⁷³ Zakariyā al-Bārī, Jamāl al-Dīn Muḥammad Maḥmūd (1981), *al-Fatāwā al-Islāmiyyah*, Jilid 3. Kaherah: Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah, h. 984, 1029; Ibrāhīm Muṣṭafā Makārim (1980), *Majmū'at al-Mabādī' al-Latī Qarrarathā Idārat al-Fatwā wa Tasyrī'*, Jilid 6. Kuwait: Idārah al-Fatwā wa Tasyrī', h.108.

waris terdekat dengan lebih baik. Hujahnya, sekiranya bukan waris layak mendapat hak wasiat dalam kadar satu pertiga, maka waris adalah lebih berhak untuk mendapatkannya.⁷⁴

Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999⁷⁵ juga telah mengambil pandangan Ibn Ḥazm berhubung peruntukan “waṣīyyat wājibah”. Waṣīyyat wājibah ialah wasiat yang dikuatkuasakan melalui peruntukan undang-undang bagi menjamin hak waris si mati yang terhalang daripada menerima pusaka kerana penghubung mereka telah meninggal dunia terlebih dahulu. Kaedah ini adalah merupakan pandangan Imam Ibn Ḥazm bagi mengelak kezaliman berlaku ke atas waris akibat tiada wasiat dilakukan untuk sesetengah waris. Justeru, suatu bahagian untuk waris diwujudkan melalui peruntukan undang-undang daripada harta peninggalan si mati tersebut seperti suatu wasiat telah dilakukan.⁷⁶ Kaedah dikenali sebagai “waṣīyyat wājibah” dan ia merupakan sebahagian daripada aspek pembaharuan hukum pusaka Islam di negara-negara Arab.⁷⁷

Bagaimanapun di Malaysia, hak ini hanya diperuntukkan untuk waris daripada susur galur lelaki sahaja. Waris daripada susur galur wanita tidak diberikan bahagian “waṣīyyat wājibah” ini kerana merupakan waris *dhū arḥām* yang tidak diterima oleh Mazhab Syāfi‘ī.⁷⁸ Oleh itu, hanya cucu yang kematian bapa mendapat “waṣīyyat wājibah” dengan syarat mereka terhalang daripada pusaka datuk atau neneknya, dan tidak menerima apa-apa wasiat yang lain. Bahagian wasiat bagi cucu tersebut ialah sebanyak satu pertiga harta atau setakat kadar di mana ayahnya berhak sekiranya kurang daripada bahagian satu pertiga.⁷⁹ Dalam hal ini, sekiranya datuk atau nenek memelihara seorang cucu daripada anak perempuan yang telah meninggal dunia terlebih dahulu, cucu tersebut tidak akan menerima “waṣīyyat wājibah” apatah lagi untuk menerima pusaka. Jika ini berlaku, ia adalah sesuatu yang malang dalam pentadbiran undang-undang Islam yang bertujuan untuk memastikan kebajikan waris. Lebih-lebih lagi apabila cucu tersebut ditinggalkan “sebatang kara” tanpa waris dan harta sedangkan sebelumnya, cucu tersebutlah yang menjaga kesihatan datuk atau neneknya.

⁷⁴ J. N. D. Anderson, “Modern Trends in Islam”, *International and Comparative Law Quarterly*, v.20, 1971, 11-12.

⁷⁵ Enakmen Selangor No. 4 Tahun 1999.

⁷⁶ Ibn Ḥazm (1970), *al-Muḥallā*. Kaherah: Ṭab‘ah Munīr al-Dimasyqī, j. 9, h. 314; Lihat juga Dr. Mahmud Muhammad Baadly (1994), *Pengurusan dan Penyelewengan Harta dalam Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Dinie Publisher, h. 113.

⁷⁷ Zakariyā al-Bārī, Jamāl al-Dīn Muḥammad Maḥmūd (1981), *op.cit.*, h. 3404; M. A. Zaki Badawi (2000), “Professor Ahmad Ibrahim Inaugural Memorial Lecture: Harmonisation of the Shari‘ah and Civil Law”, *IIUM Law Journal*, v. 8 No. 1. UIA: Research Centre, h. 19.

⁷⁸ Seksyen 27, Enakmen No. 4 Tahun 1999.

⁷⁹ Seksyen 27, Wasiat Wajibah di dalam Enakmen No. 4 Tahun 1999.

KESIMPULAN

Perbincangan menunjukkan bahawa pandangan Mazhab Syāfi'ī adalah mazhab rujukan yang utama di negara ini. Kedudukan dan pengaruh Mazhab Syāfi'ī adalah sangat kukuh dan besar termasuklah dalam persoalan undang-undang pentadbiran pusaka dan wasiat. Pengaruh ini sangat ketara dalam perkara yang menjadi perselisihan mazhab di mana pandangan Mazhab Syāfi'ī akan diutamakan dan pandangan mazhab yang lain tidak diterimapakai tanpa melihat kesannya kepada para waris. Ini dapat dilihat dalam kes *dhū arḥām* apabila pandangan Mazhab Syāfi'ī menjadi keutamaan dan waris *dhu arham* tidak mewarisi walaupun merupakan waris yang tunggal, miskin dan susah. Kajian mendapati pertimbangan dalam melakukan rujukan pada *qawl mu'tamad* dalam Mazhab Syāfi'ī adalah terlalu ketat apabila pertimbangan hanya mengambilkira keadaan pentadbiran baitulmal semata-mata tanpa mempertimbangkan kebajikan para waris terdekat. Keadaan ini boleh menyebabkan sesetengah keputusan kehakiman menjadi tidak rasional apabila waris yang miskin menjadi semakin susah sedangkan baitulmal sentiasa mengalami pertambahan dana.

Keadaan ini menyebabkan hukum pusaka Islam dianggap mendatangkan masalah kepada sesetengah waris sedangkan sepatutnya tidak sedemikian. Keadaan yang sebaliknya berlaku dalam kes-kes wasiat di mana terdapat perkembangan dan perubahan dalam sesetengah perkara khususnya yang berlaku di Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan. Pandangan Mazhab Syāfi'ī berhubung wasiat kepada waris dan kematian tanpa wasiat tidak lagi diterimapakai seperti dalam peruntukan Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999⁸⁰ yang mengharuskan wasiat kepada waris dalam kadar satu pertiga dan menguatkuasakan “wasīyyat wājibah” kepada si mati yang tidak meninggalkan wasiat kepada waris tertentu. Keadaan ini menunjukkan pembaharuan penting dalam pentadbiran undang-undang wasiat Islam di Malaysia dalam menjamin kebajikan waris yang sangat memerlukan. Peruntukan sebegini perlu dicontohi oleh negeri-negeri lain di Malaysia bagi mengelak pelaksanaan pandangan Mazhab Syāfi'ī sepenuhnya.⁸¹

Perbezaan ikutan pada Mazhab Syāfi'ī dalam perkara pusaka dan wasiat ini disimpulkan berpunca daripada undang-undang substantif yang mengawal pentadbiran undang-undang tersebut. Kewujudan undang-undang bertulis yang khusus dapat mengawal daripada melakukan rujukan yang *rigid* ke atas Mazhab Syāfi'ī semata-mata. Ia juga menjimatkan masa seseorang hakim atau mufti dalam

⁸⁰ Seksyen 11 (2) dan 26, Enakmen Selangor No. 4 Tahun 1999.

⁸¹ Wasiat kepada waris tidak sah diputuskan dalam kes *Mohamad Hadi bin Yaso'a dll. Lawan Siti Hawa Deraman (2001)* dalam Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan, No. Fail 348/01.

melakukan rujukan kepada beberapa pandangan ulama, melakukan *tarjih* yang seragam dan mencapai kesepakatan dalam pentadbiran undang-undang. Paling tidak, sesuatu keputusan itu telah melalui proses pertimbangan yang rapi dalam kalangan cendekiawan dengan mengambil kira kepentingan semasa dan *maqāsid al-syar‘iyyah* yang melangkaui sempadan mazhab. Dalam hal ini, kaedah *talfiq* dan *takhayyur* mazhab benar-benar dapat direalisasikan dalam usaha untuk memastikan kemaslahatan para waris benar-benar tercapai.

RUJUKAN

- A. A. Fyzee (1964), *Outlines of Muhammadan Law*. Oxford: T.P.
- Abdul Rashid Haji Abdul Latif (1997), *Undang-undang Pusaka dalam Islam-Suatu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: Hizbi dan al-Hidayah Publisher.
- Abd. Rashid Hj. Dail dan Hailani Muji Tahir (1988), “Sumber Kewangan dan Pengurusan Baitulmal”, dalam Mohd. Riduan bin Awang (ed.), *Undang-undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang-orang Islam di Malaysia*. Selangor: al-Rahmaniah.
- A. H. Johns (1981), “From Coastal Settlement to Islamic School and City: Islamization in Sumatras, The Malay Peninsula and Java”, *Hamdard Islamicus*, v. IV no. 4, winter 1981. Pakistan: The Hamdard Foundation.
- Ahmad Hidayat Buang (2004), “Analisis Fatwa-Fatwa Syariah di Malaysia”, dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Malaya.
- Ahmad Ibrahim (1971), “The Administration of Muslim Law in South-East Asia”, *Malaya Law Review*, v. 13 No. 1. Singapore: Faculty of Law, University Of Singapore.
- Azizan Abdul Razak (1983), “Conflict Resolution: Reasonal Laws System, Civil Law System and Muslim School of Law (Madhahib)”, (Kertas Kerja *Shariah Administrators’ Conference Workshop* di Manila, Philippines, 7-11 Ogos 1983).
- E. N. Taylor (1970), “The Customary Law of Rembau”, dalam M.B. Hooker (ed.), *Readings in Malay Adat Laws*. Singapore: Singapore University Press.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn (1966), *Ḥāsiyyah Radd al-Muḥtār*. Mesir: Matba‘āt Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlāduhu, j. 6.
- Ibn Rusyd (1935), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Kaherah: Matba‘āt al-Ma‘hūd.
- Ibrāhīm Muṣṭafā Makārim(1980), *Majmū‘āt al-Mabādī’ al-Latī Qarrarathā Idārat al-Fatwā wa Tasyrī’*, Jilid 6. Kuwait: Idārah al-Fatwā wa al- Tasyrī’.

- Jamilah Karim Khan (1989), "Isu-isu Sosiologikal dalam Pembahagian Harta Pusaka dan Harta Sepencarian di Pulau Pinang dan Kedah" (Kertas Kerja Bengkel Undang-undang Syarak dan Sivil: Perkembangan, Pelaksanaan dan Kedudukan Wanita Islam, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, 23 September 1989).
- Jasni bin Sulong (2005), "Undang-undang Pusaka Islam: Kajian Terhadap Pembaharuan Undang-undang dan Aplikasinya di Malaysia" (Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- J. N. D. Anderson (1971), "Modern Trends in Islam", *International and Comparative Law Quarterly*, v. 20.
- John E. Kempe dan R. O. Winstedt (1947), *A Malay Legal Digest Compiled for 'Abd al-Ghafur Muhaiyu'd-din Shah Sultan of Pahang 1592-1614 A.D. with Undated Additions*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Mahmud Muhammad Baadly (1994), *Pengurusan dan Penyelewengan Harta dalam Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Dinie Publisher.
- M. A. Zaki Badawi (2000), "Professor Ahmad Ibrahim Inaugural Memorial Lecture: Harmonisation of the Shari'ah and Civil Law", *IIUM Law Journal*, v. 8 No. 1. UIA: Research Centre.
- Moshe Yegar (1979), *Islam and Islamic Institutions in British Malaya Policies and Implementation*. Jerusalem: The Magnes Press, The Hebrew University, Jerusalem.
- Muḥammad Muḥyi al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd (1984), *Aḥkām al-Mawārīth fī al-Syarī'at al-Islāmiyyah 'alā Madhāhib al-A'immah al-Arba'ah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- N. J. Coulson (1971), *A History of Islamic Law*. Edinburgh: University Press.
- Roland Knyvet Wilson (1912), *Anglo-Muhammadan Law: A Digest*, preceded by a Historical and Descriptif-Introduction of the Special Rules, 4th edition. London: W. Thacker.
- Salleh Buang (1996), *Sejarah Undang-undang Malaysia: Kes dan Material*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syaykh Ḥusayn Yūsūf Ghazāl (1996), *al-Mīrāth 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Tahir Mahmood (1972), *Family Law Reform in the Muslim World*. Bombay: N. M. Tripathi Pvt. Ltd.
- Wahbah al-Zuhaylī (1997), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Beirut: Dār al-Fikr, j. 10.
- Zakariyā al-Bārī, Jamāl al-Dīn Muḥammad Maḥmūd (1981), *al-Fatāwā al-Islāmiyyah*, j. 3. Kaherah: Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah.